

25/09/1997

Denda RM100,000 terhadap pembakar sampah terbuka

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan meminta institusi perundangan negara mengenakan hukuman maksimum kepada syarikat dan individu, yang sabit kesalahan kerana melakukan pembakaran terbuka di seluruh negara, ketika musim berjerebu sekarang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata beliau sudah menulis kepada Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin baru-baru ini untuk mengenakan hukuman lebih berat.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar (Peraturan Udara Bersih 1996), pesalah boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM100,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya. Bagaimanapun, mahkamah selalunya mengenakan hukuman lebih ringan.

Menurut Law, hukuman yang lebih berat kepada pesalah boleh bertindak sebagai pengajaran kepada pihak lain yang berniat untuk melakukan pembakaran terbuka, khususnya di kalangan sektor swasta.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana ada agensi kerajaan yang turut sama melakukan perbuatan itu sedangkan garis panduan dan amaran awal sudah diberikan khususnya ketika musim berjerebu ketika ini.

"Kita tidak boleh memberi muka kepada pesalah yang melakukan pembakaran terbuka. Kerajaan sudah memberikan pelbagai amaran tetapi mereka tetap ingkar, dan hukuman yang dikenakan haruslah setimpal," katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di sini, petang ini.

Bagi musim berjerebu kali ini, sebanyak 15 kes dikesan dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendakwa lima syarikat dan akan menghadapi ke mahkamah 10 kes lagi, termasuk Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang didakwa melakukan pembakaran terbuka.

Law menulis surat itu kepada Ketua Hakim Negara selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta hukuman berat dikenakan terhadap pesalah yang melakukan pembakaran terbuka.

Beliau juga berkata, Kabinet turut mengarahkan supaya pembinaan 25 stesen pengawasan udara tambahan di seluruh negara dipercepatkan, dengan matlamat sebelum temasya Sukan Komanwel tahun depan.

(END)